



NEGERI TRENGGANU

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TRENGGANU GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 33
Bil. 18

28hb Ogos 1980

TAMBAHAN No. 7
PERUNDANGAN

Tr. P.U. 14.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976

PERATURAN-PERATURAN BAGI LANTIKAN DAN KENAIKAN
PANGKAT PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN MAJLIS
PERBANDARAN, KUALA TRENGGANU, 1979

BAHAWASANYA pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Akta 171. seksyen 17 (3) Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Majlis Perbandaran, Kuala Trengganu di dalam mesyuarat Majlis yang diadakan pada 14 haribulan Januari, 1980 telah meluluskan Peraturan-peraturan Bagi Lantikan dan Kenaikan Pangkat Pegawai-pegawai dan Kakitangan Majlis Perbandaran, Kuala Trengganu, 1979;

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan Peraturan-peraturan tersebut seperti yang berikut:

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan bagi Lantikan dan Kenaikan Pangkat Pegawai-pegawai dan Kakitangan Majlis 1979** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1979. Nama.
2. Peraturan yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan ini bagi membuat lantikan-lantikan ke jawatan-jawatan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang di bawah bidang kuasa Lembaga yang dilantik di bawah Fasal 16 (4) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 hendaklah dipakai bagi semua lantikan-lantikan tetap dan sementara melainkan lantikan-lantikan tertentu yang dikecualikan oleh Lembaga tersebut. Tafsiran.
3. Dalam bab ini:
 - (i) "Kenaikan pangkat" bererti kenaikan pangkat yang seorang pegawai atau kakitangan itu ada harapan untuk

mendapatnya mengikut skim perkhidmatannya, iaitu kenaikan pangkat dari satu tingkatan ke satu tingkatan yang lebih tinggi dalam satu skim yang sama.

- (ii) "Lantikan" termasuk lantikan pertama ke perkhidmatan Majlis dan sebarang perlantikan pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan sedang berkhidmat ke dalam skim perkhidmatan yang lain.
- (iii) "Pegawai dan kakitangan sedang berkhidmat" termasuk pegawai dan kakitangan dalam percubaan, pegawai dan kakitangan sementara, pegawai dan kakitangan dalam tukar sementara atau pinjaman, dan pegawai dan kakitangan kontrek.
- (iv) "Lembaga" bermakna satu Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 16 (4) Akta Kerajaan Tempatan 1976.
- (v) "Yang Dipertua" ertiannya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis dengan sah di sisi undang-undang termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

BAHAGIAN SATU

LANTIKAN

I. SYARAT-SYARAT AM LANTIKAN DAN PERKHIDMATAN

Jawatan
untuk warga-
negara sahaja.

Perlantikan
bukan warga-
negara.

Permohonan
dari bekas
pegawai atau
kakitangan
yang
berhenti.

Permohonan
dari Pegawai
atau kaki-
tangan yang
dibuang kerja.

Perlantikan
pegawai atau
kakitangan
sedang
berkhidmat.

- 4. Tertakluk kepada Peraturan 5 semua calun-calun untuk lantikan ke dalam perkhidmatan Kerajaan samada bagi jawatan tetap, sementara atau kontrek mestilah warganegara Malaysia.
- 5. Calun-calun bukan warganegara yang diperlukan oleh sebab ketiadaan calun-calun warganegara sendiri yang berkelayakan dalam tugas-tugas tertentu atau dalam jawatan-jawatan tertentu diseberang laut hanya boleh dilantik secara kontrek atau sementara atas kebenaran dan syarat-syarat khas Majlis dan hanya bagi masa yang terhad sahaja.
- 6. Bekas-bekas pegawai atau kakitangan yang telah berhenti dari perkhidmatan Kerajaan atau Majlis tidak boleh diambil balik berkhidmat dalam apa jua pun jawatan melainkan dengan kebenaran khas Yang Dipertua.
- 7. Bekas-bekas pegawai atau kakitangan yang telah dibuang atau ditamatkan kerja kerana sebab-sebab tatatertib atau kerja yang tidak memuaskan tidak boleh dilantik semula ke dalam perkhidmatan Majlis dalam apa-apa jua pun jawatan melainkan dalam keadaan khas dan luar biasa yang boleh ditimbangkan oleh Lembaga. Bagaimanapun seorang bekas pegawai atau kakitangan yang telah ditamatkan jawatan atas sebab tidak lulus peperiksaan yang diwajibkan atau diberhentikan kerja oleh sebab dasar mengurangkan kakitangan pada satu-satu masa boleh diambil semula ke dalam perkhidmatan Majlis.
- 8. Lembaga berhak melantik pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan Majlis yang sedang berkhidmat dalam satu skim perkhidmatan ke satu jawatan lain dalam mana-mana skim perkhidmatan dengan syarat mereka difikirkan sesuai sungguhpun mereka tidak mempunyai semua kelayakan yang disyaratkan bagi jawatan-jawatan itu.

9. Semua perlantikan ke dalam perkhidmatan Majlis hendaklah mengikut skim-skim perkhidmatan yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Sebarang pemindaan syarat-syarat dalam mana-mana skim hendaklah dengan persetujuan terlebih dahulu dari Yang Dipertua. Perlantikan mengikut skim-skim yang diluluskan.
10. (a) Di mana dalam sesebuah skim perkhidmatan atau iklan kekosongan jawatan disebutkan tentang umur, maka umur yang dimaksudkan di situ ialah umur pada ulangtahun hari-jadi mengikut kalendar Gregory. Harijadi.
- (b) Dalam menentukan umur ini, maka di mana hanya bulan sahaja yang diketahui maka tarikh lahir seseorang itu hendaklah dianggap sebagai jatuh pada hari akhir dalam bulan itu, dan di mana tahunnya sahaja diketahui, tarikh lahir ini hendaklah dianggap sebagai jatuh pada 31 haribulan Disember tahun itu. Akta 23/67.
- (c) Di mana tarikh lahir seseorang itu ialah pada 29hb Februari, maka ulangtahun harijadinya ialah pada 1hb Mac bagi tahun-tahun yang bukan tahun lumbat.
11. Di mana dalam satu-satu skim perkhidmatan atau iklan-iklan kekosongan ada timbul keraguan tentang maksud kelulusan yang setaraf, maka perkara itu hendaklah dirujukkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk penentuan. Kelulusan setaraf.
12. (a) Semua jawatan-jawatan kosong yang hendak diisi dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas, Kumpulan Kerja dan Separa Ikhtisas dan Kumpulan Pekeranian dan Teknik mestilah terlebih dahulu diiklankan oleh Majlis sekurang-kurangnya dalam sebuah suratkhabar. Jawatan-jawatan kosong perlu diiklankan.
- (b) Bagi jawatan-jawatan yang hendak diisi dengan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang sedang berkhidmat sahaja, iklan-iklan hendaklah diedarkan secara surat pekeliling kepada Jabatan-jabatan dan juga disiarkan dalam suratkhabar jika difikirkan perlu. Jawatan untuk Pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan sedang berkhidmat.
- (c) Bagi jawatan-jawatan dalam Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar, iklan kekosongan hendaklah dipamerkan di papan kenyataan Jabatan serta salinan-salinan dikirim ke Pejabat-pejabat Pekerjaan yang berdekatan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Bahagian Angkatan Pembina Negara dan Belia Pelupur Negara) dan Kementerian Pertahanan (Bahagian Veteran). Jawatan Rendah dan Buruh Kasar.
13. Seseorang pegawai atau kakitangan yang sudah disahkan dalam jawatan asalnya tetapi apabila dilantik ke satu jawatan baru telah gagal untuk mendapat pengesahan dalam jawatan tersebut boleh dibenarkan oleh Lembaga kembali semula ke jawatan asalnya atau ke satu jawatan yang serupa dengan syarat ada kekosongan dalam jawatan tersebut dan bahawa kegagalannya untuk mendapat pengesahan itu bukanlah kerana kelakuan yang tidak memuaskan. Seseorang yang telah dikembalikan sedemikian akan dibenarkan menerima gaji yang ia patut menerima sekiranya ia tidak dilantik ke jawatan lain itu. Walau bagaimana pun sekiranya gaji yang ia patut menerima itu terkeatas dari sekatan peperiksaan atau sekatan kecekapan yang dia belum lulus atau layak melangkah Kembali ke jawatan asal.

lagi, dia akan dikehendaki memenuhi syarat-syarat melangkah sekatan tersebut sebelum boleh menerima apa-apa kenaikan gaji selanjutnya.

Pegawai atau kakitangan kontrek ingin sambung kontrek.

14. Adalah menjadi tanggungjawab seseorang pegawai atau kakitangan dalam kontrek untuk memberitahu Setiausaha Majlis enam bulan sebelum tamat kontreknnya itu, jika ia ingin untuk menyambung kontreknnya. Jika Yang Dipertua memerlukan lagi perkhidmatan pegawai atau kakitangan tersebut maka Yang Dipertua hendaklah mengemukakan kepada Lembaga sebab-sebab perkhidmatan pegawai atau kakitangan itu dikehendaki lagi. Sekiranya ada syarat-syarat baru yang hendak ditambah dalam penyambungan kontrek itu, maka Lembaga hendaklah diberi salinan kelulusan penambahan syarat-syarat baru seperti yang telah dipersestui oleh Yang Dipertua.

Kewajipan menunaikan sebarang tugas.

15. Seseorang pegawai atau kakitangan adalah dikehendaki menjalankan segala tugas-tugas jawatannya dan lain-lain tugas yang sesuai yang ia mungkin diarahkan untuk menjalankan dari semasa ke semasa.

Pertukaran ke mana-mana.

16. Seseorang pegawai atau kakitangan boleh diarahkan berkhidmat di mana-mana sahaja oleh Majlis, melainkan ada syarat-syarat khas yang menetapkan sebaliknya.

Pegawai atau kakitangan boleh dipinjam.

17. Seseorang pegawai atau kakitangan boleh dipinjamkan oleh Kerajaan untuk berkhidmat dengan Majlis mengikut syarat-syarat khas yang ditetapkan dan bagi masa yang tertentu.

Pegawai atau kakitangan dikehendaki mematuhi Pekeliling dan lain-lain perintah.

18. Tiap-tiap pegawai atau kakitangan adalah dikehendaki mematuhi Pekeliling-pekeliling, surat-surat Pekeliling dan lain-lain perintah atau peraturan yang dikeluarkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

II. URUSAN PENGAMBILAN DAN PERLANTIKAN

Bentuk iklan dalam surat-khabar.

19. Iklan-iklan kekosongan jawatan yang akan disiarkan oleh Majlis di suratkhabar hendaklah ringkas dan mengandungi:
 - (i) nama dan taraf jawatan.
 - (ii) tanggagaji.
 - (iii) kelulusan dan kelayakan (termasuk taraf kerakyatan).
 - (iv) tarikh tutup permohonan.
 - (v) alamat di mana permohonan mesti dikirimkan.

Permohonan dari Pegawai dan kakitangan Majlis.

20. Semua permohonan dari pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Majlis hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan/Bahagian yang akan memanjangkan permohonan-permohonan tersebut berserta dengan Kenyataan-kenyataan Perkhidmatan yang lengkap dan Penyata-penyata Sulit Khas mereka kepada Lembaga.

Tawaran dan pemberitahu oleh Majlis.

21. (a) Majlis akan membuat tawaran-tawaran jawatan kepada calun-calun yang berjaya dengan seberapa segera yang boleh dan memberitahu mereka yang tidak berjaya mengikut cara yang difikirkan sesuai.
 (b) Tiap-tiap surat tawaran hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya nama jawatan, gaji masuk dan tanggagaji jawatan, tempoh percubaan, kewajipan bertugas di manamana, samada jawatan berpencen atau tidak, syarat mematuhi

Butir-butir perlu dalam tawaran.

perintah dan peraturan yang dikeluarkan oleh Majlis dari semasa ke semasa dan lain-lain syarat yang perlu ditegaskan berkenaan dengan sesuatu jawatan itu termasuk syarat-syarat di Peraturan 22 (a).

22. (a) Semua calun-calun ke perkhidmatan Majlis mestilah cukup sihat dan mereka akan dikehendaki untuk diperiksa kesihatan mereka oleh seorang pegawai perubatan Kerajaan atau pegawai perubatan yang dipersetujui oleh Majlis. Mereka juga disyaratkan tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah dan untuk menentukan ini mereka juga dikehendaki mengangkat sumpah di hadapan seorang Majisteret atau Pesuruhjaya Sumpah. Pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan Majlis yang mendapat jawatan baru dan telah memenuhi syarat-syarat di atas tidak akan dikehendaki mematuhi peraturan ini sekali lagi.

Surat akuan doktor dan surat sumpah.

- (b) Majlis tidak akan terikat untuk meneruskan perkhidmatan seseorang calun yang telah diterima oleh Lembaga bertugas sebelum memenuhi peraturan di (a) apabila kemudiannya didapati bahawa kesihatannya tidak memuaskan atau dalam Surat Sumpahnya didapati ada rekod jenayah. Walau bagaimanapun ia bolehlah dibayar gaji bagi masa yang ia telah berkhidmat itu.

Majlis tidak terikat.

23. (a) Lembaga boleh, mengikut budibacaranya sendiri, meneruskan perlantikan seseorang calun yang kesihatannya untuk memberi khidmat yang senantiasa dan cekap diragukan sedikit oleh pegawai perubatan yang memeriksanya tetapi keadaannya tidaklah sebegitu buruk untuk penolakan sama sekali. Calun yang sedemikian akan dikenakan segala syarat dan menerima segala faedah bagi jawatan tersebut sekadarka ia tidak boleh dimasukkan ke perjawatan berpencepan sebelum ia menamatkan satu tempoh perkhidmatan yang tidak kurang daripada 10 tahun atau ia dilaporkan betul-betul sihat oleh seorang pegawai perubatan, mengikut mana yang lebih dahulu. Dalam masa perkhidmatannya ia berhak menerima kenaikan gaji sekiranya ia menyempurnakan semua syarat-syarat kenaikan gaji.

Lantikan calun-calun tiada berapa sihat.

- (b) Perbekalan di (a) tidak akan menghalang Yang Dipertua daripada memanggil sebuah Lembaga Perubatan untuk memeriksa pegawai atau kakitangan tersebut dengan tujuan menamatkan atau menyarakannya apabila pada pandangan Ketua Jabatan tersebut keadaan keuzurannya memerlukan tindakan sedemikian.

Lembaga perubatan boleh dipanggil.

III. TEMPOH PERCUBAAN DAN PERLANJUTANNYA

24. Seseorang pegawai atau kakitangan yang baru dilantik ke perkhidmatan Majlis adalah dikehendaki menempuh satu tempoh percubaan selama tiga tahun, melainkan di mana dalam satu-satu skim tertentu, tempoh ini adalah berlainan, maka tempoh yang berlainan itu akan dikenakan.

Tempoh biasa tiga tahun.

25. Seseorang pegawai atau kakitangan yang telah disahkan dalam jawatannya dan dilantik ke satu jawatan baru boleh dikenakan tempoh percubaan selama satu hingga tiga tahun dan boleh disahkan dalam jawatannya bila-bila masa sahaja selepas satu tahun.

Tempoh bagi pegawai atau kakitangan sudah disahkan.

Tempoh bagi
pegawai atau
kakitangan
dalam
percubaan.

26. Seseorang pegawai atau kakitangan dalam percubaan yang dilantik puja ke satu jawatan lain akan dikehendaki melalui tempoh percubaan yang penuh mengikut skim perkhidmatan, tetapi Lembaga boleh mengurangkan tempoh ini mengikut budibicaranya jika tugas-tugas yang dijalankannya dahulu itu tidak berbeza sangat dengan tugas-tugas barunya ini asalkan sahaja tempoh percubaan yang mesti ditempuh oleh pegawai atau kakitangan itu di dalam jawatan barunya ini tidak kurang daripada satu tahun dan dengan syarat bahawa jumlah tempoh percubaan yang telah dan akan dijalannya itu tidak akan berkurangan daripada tempoh percubaan penuh seperti yang ditentukan dalam skim perkhidmatan jawatan baru itu.

Tempoh bagi
lantikan
luar biasa.

27. Lembaga boleh menggunakan budibicaranya untuk samada mengenakan atau tidak mengenakan tempoh percubaan bagi perlantikan seseorang calun atau pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan yang mempunyai kelayakan-kelayakan teristimewa.

Perlanjutan
tempoh
percubaan.

28. (a) Tempoh percubaan yang disebutkan dalam mana-mana skim perkhidmatan boleh dilanjutkan atas pertimbangan Lembaga. Perlanjutan tempoh percubaan bagi seseorang pegawai atau kakitangan boleh dengan denda (iaitu dengan penangguhan kenaikan gajinya) atau dengan tiada berdenda, di mana pegawai atau kakitangan itu dibenarkan menerima kenaikan gaji semasa dalam tempoh percubaan lanjutannya itu.

(b) Perlanjutan tempoh percubaan ini hanya akan diberi bila ada cukup sebab-sebab yang menasabah mengapa pegawai atau kakitangan itu tidak dapat disahkan dalam jawatannya dalam masa yang ditetapkan dan apabila ada sokongan Ketua Jabatannya yang berpendapat bahawa ada kemungkinan untuk pegawai atau kakitangan itu disahkan dalam jawatannya jika tempoh percubaannya dilanjutkan.

(c) Adalah menjadi tanggungjawab Setiausaha Majlis untuk mengemukakan kepada Lembaga perakuan tentang perlanjutan percubaan seseorang pegawai atau kakitangan dibawah jagaannya iaitu tiga bulan sebelum tamat tempoh percubaannya. Perakuan itu hendaklah mengandungi sebab-sebab pegawai itu tidak dapat disahkan, sokongan-sokongan Ketua Jabatan mengapa perlanjutan tempoh percubaan boleh diberi dan juga Kenyataan Perkhidmatan yang lengkap berserta dengan senarai peperiksaan (jika ada) yang telah dilulusnya atau tidak dengan tarikh-tarikhnya sekali.

Tindakan
awal mem-
perakuan
lanjutan.

29. Seseorang pegawai atau kakitangan yang telah dilanjutkan tempoh percubaannya dengan berdenda akan hanya menerima gaji akhir sebelum perlanjutan itu bagi masa yang tempoh percubaan itu dilanjutkan. Dia juga akan hilang kekananannya sebanyak masa yang tempoh percubaannya dilanjutkan dengan berdenda itu.

Kehilangan
kekanan-
kerana denda.

IV. PENETAPAN GAJI MASUK

Lantikan
pertama.

30. (a) Seseorang yang dilantik buat pertama kalinya ke dalam perkhidmatan Majlis akan dibayar gaji permulaan dalam tanggagaji jawatan yang dimasukinya.

- (b). Seseorang pegawai atau kakitangan dalam jawatan sementara atau dalam tukar sementara atau dalam pinjaman atau dalam kontrek yang kemudiannya dilantik ke perkhidmatan tetap dalam jawatan yang sama, akan ditetapkan gaji masuknya mengikut perbekalan seperti di Peraturan 32.
31. Seseorang pegawai atau kakitangan Majlis yang telah disahkan dalam jawatan tetapnya, akan diletakkan di mata tertinggi yang berhampiran dalam tanggagaji jawatan barunya sekiranya gaji jawatan lamanya adalah sama atau lebih tinggi daripada gaji permulaan dalam jawatan barunya, kalau tidak peraturan 30 (a) adalah terpakai baginya.
32. Walau apa pun perbekalan-perbekalan lain dalam Peraturan 30 dan 31 di atas, sesebuah Lembaga boleh, bila melantik seseorang calun atau pegawai yang mempunyai kelayakan-kelayakan teristimewa, meletakkannya ke mana-mana mata dalam tanggagaji tingkatan biasa atau lain-lain tingkatan mengikut budibacaranya. Lazimnya dalam kes-kes pegawai-pegawai ikhtisas, pengalaman-pengalaman sesuai selepas mendapat kelulusan ikhtisas yang boleh dibuktikan oleh mereka boleh diambil kira untuk menentukan penetapan gaji ini mengikut kadar genap satu tahun pengalaman bagi satu kenaikan mata dalam tanggagaji. Dalam kes pegawai bukan ikhtisas, pengalaman-pengalaman sesuai yang berkenaan dengan tugas-tugas jawatan barunya boleh diambil kira mengikut kadar yang sama.

Pegawai atau
kakitangan
sementara
dilantik tetap.

Pegawai atau
kakitangan
tetap mendapat
jawatan baru.

Penetapan
gaji lebih
daripada
kadar biasa.

V. PENGESAHAN DALAM JAWATAN DAN KEMASUKAN DALAM PERJAWATAN BERPENCEN

33. Seseorang pegawai atau kakitangan yang telah menjalani dengan jayanya akan tempoh percubaannya, samada tempoh percubaan asalnya atau yang dilanjutkan, dan telah lulus segala peperiksaan yang disyaratkan (jika ada) serta mendapat sokongan dari Ketua Jabatannya akan layak disahkan dalam jawatannya.

Pengesahan.

34. Adalah menjadi tanggungjawab Setiausaha Majlis mengemukakan perakuan pengesahan dalam jawatan bagi seseorang pegawai atau kakitangan di bawah jagaannya apabila didapatinya pegawai atau kakitangan itu layak diperakukan untuk pengesahan dalam jawatan. Perakuan sedemikian hendaklah dihantar kepada Lembaga tiga bulan sebelum tamatnya tempoh percubaan pegawai atau kakitangan tersebut dengan disertakan butir-butir yang berikut:

(i) Satu kenyataan Setiausaha Majlis seperti berikut:

PERAKUAN PENGESAHAN DALAM JAWATAN (Peraturan 34)

Saya dengan ini mengesahkan bahawa
..... telah menjalankan tugas-tugasnya dengan jujur, tekun dan berkebolehan dan saya berpuas hati dengan perkhidmatannya ini dan juga dengan sifat peribadinya, perangai dan kelakuannya dan dengan ini memperakukannya untuk disahkan dalam jawatannya.

Tanggung-
jawab
Setiausaha
Majlis untuk
tindakan
mengesah.

Tandatangan Setiausaha Majlis
 Nama penuh Setiausaha Majlis
 Majlis Perbandaran Kuala Trengganu
 Tarikh , 19.....

- (ii) Satu kenyataan berkenaan peperiksaan-peperiksaan yang disyaratkan pegawai itu mesti lulus berserta dengan tarikh-tarikh ia lulus; dan
- (iii) Satu Kenyataan Perkhidmatan yang lengkap.

Tarikh pengesahan pegawai atau kakitangan dilanjutkan tempoh percubaan.

35. Seseorang pegawai atau kakitangan yang telah dilanjutkan tempoh percubaannya dengan atau tanpa denda kerana tidak lulus peperiksaan atau tiada mendapat sokongan pengesahan dalam jawatan dari Ketua Jabatannya, akan layak disahkan dalam jawatannya dari tarikh hari pertama peperiksaan yang dilulusnya itu atau dari tarikh ia berjaya mendapat sokongan pengesahan dari Ketua Jabatannya, mengikut mana yang berkenan.

Kemasukan ke dalam perjawatan berpencen.

36. Seseorang pegawai atau kakitangan yang memegang satu jawatan berpencen adalah lazimnya layak untuk dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen pada tarikh dan di dalam satu tindakan yang sama bagi pengesahan dalam jawatannya melainkan jikalau tempoh percubaannya itu kurang daripada 3 tahun, maka kemasukannya ke dalam perjawatan berpencen hendaklah selepas 3 tahun perkhidmatan dalam jawatan berpencen atau sekiranya ia dilantik mengikut Peraturan 23, dalam tempoh yang ditetapkan dalam Peraturan 23 (a). Ketua Jabatan hendaklah menghantar bersama-sama butir di Peraturan 34 (jika tindakan itu bersekali) satu perakuan untuk kemasukan pegawai atau kakitangan itu ke dalam perjawatan berpencen seperti dalam Lampiran B.

Kemasukan ke dalam perjawatan sekali sahaja.

37. Seseorang pegawai atau kakitangan yang telah dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen tidak perlu diperakukan sekali lagi untuk kemasukan ke dalam jawatan berpencen apabila dilantik ke satu jawatan baru.

Pemberitahuan pengesahan dan lain-lain.

38. Lembaga akan memberitahu seseorang pegawai atau kakitangan tentang pengesahan dalam jawatannya dan juga tentang kemasukan ke dalam perjawatan berpencen melalui Setiausaha Majlis.

VI. TARIKH PERLANTIKAN, KEKANAN DAN TARIKH KENAIKAN GAJI

Perlantikan pegawai baru.

39. Tarikh perlantikan seseorang pegawai atau kakitangan baru ialah tarikh ia melaporkan diri bertugas. Peraturan ini terpakai juga bagi seseorang pegawai atau kakitangan yang sedang berkhidmat yang telah dilantik ke satu jawatan baru yang berlainan.

Tarikh perlantikan pegawai atau kakitangan sementara.

40. (a) Tarikh perlantikan tetap seseorang pegawai atau kakitangan sementara yang dilantik ke jawatan tetap yang serupa, akan dikira dari hari pertama temuduga jawatan tersebut.

Tarikh perlantikan sekumpulan pegawai.

- (b) Apabila sekumpulan pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan sementara di dalam jawatan yang sama dilantik ke dalam perkhidmatan tetap yang serupa melalui satu temuduga yang sama, tarikh perlantikan tetap mereka hendaklah bermula dari tarikh hari pertama temuduga dengan

- syarat bahawa telah sedia ada kekosongan jawatan tetap pada masa itu. Peraturan ini akan juga dipakai bagi sekumpulan pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan tetap dalam satu skim perkhidmatan yang sama yang dilantik ke satu jawatan yang lebih tinggi melalui satu temuduga yang sama bersyarat kepada ada kekosongan pada tarikh tersebut.
- (c) Walau apa pun perbekalan di (a) atau (b) di atas seseorang pegawai sementara dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas yang dilantik ke jawatan tetap yang sama akan diberi tarikh perlantikan tetapnya sebagai bermula dari tarikh perlantik sementaranya itu.
41. Tarikh kekananan seseorang pegawai akan ditentukan mengikut tarikh perlantikannya. Di mana perlantikannya adalah sama bagi beberapa orang pegawai, maka tarikh kekananan mereka ditentukan mengikut susunan bilangan temuduga Lembaga.
42. Seseorang pegawai yang dikembalikan ke jawatan lamanya mengikut Peraturan 13 akan terus memegang kekananan asalnya dalam jawatan lama itu.
43. Tarikh kenaikan gaji seseorang pegawai atau kakitangan ialah ulangtahun genap perkhidmatannya dalam satu-satu jawatan dikira seperti berikut:
- (i) Jikalau tarikh perlantikan atau memegang jawatan ialah hari pertama bekerja dalam bulan (tidak kira samada hari itu satu haribulan atau tidak), tarikh kenaikan gaji ialah satu haribulan bulan itu;
 - (ii) Bagi tarikh perlantikan atau memegang jawatan yang bukan hari pertama bekerja bulan, tarikh kenaikan gaji ialah satu haribulan bulan berikutnya.
44. Seseorang pegawai atau kakitangan yang telah ditetapkan gaji masuknya mengikut Peraturan 31 atau 32 dan didapati menjalani tempoh percubaannya dengan memuaskan, akan dibenarkan menerima kenaikan gaji dalam tempoh percubaannya itu, walaupun ini bermakna melangkah sebarang sekatan dalam tanggagaji yang berkenaan. Tetapi selepas tamatnya tempoh percubaannya itu, dia tidak akan dibenarkan menerima sebarang kenaikan gaji lagi sehingga ia telah memenuhi segala syarat-syarat kenaikan gaji yang ada bagi mana-mana mata dalam tanggagaji yang telah dilaluinya semasa dalam tempoh percubannya itu.
45. (a) Seseorang pegawai yang telah ditangguhkan kenaikan gajinya kerana tidak dapat disahkan dalam jawatannya atau kerana tidak lulus peperiksaan yang disyaratkan, akan diberi semula tarikh kenaikan gaji asalnya oleh Ketua Jabatannya apabila ia telah disahkan dalam jawatannya ataupun telah lulus dalam peperiksaan yang disyaratkan mengikut mana yang berkenaan, tetapi tidak ada gaji kebelakangan yang boleh dibayar kepadanya. Tertakluk kepada syarat di (b) gajinya juga hendaklah diselaraskan ke peringkat yang ia patut menerima sekiranya kenaikan gajinya tidak pernah tertahan. Gaji yang telah diselaraskan itu boleh dibayar mulai dari tarikh pengesahannya itu atau dari hari pertama peperiksaan yang telah dilulusinya itu, mengikut mana yang berkenaan.

Tarikh perlantikan Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas.

Tarikh kekananan.

Tarikh kekananan pegawai yang kembali ke jawatan asal.

Tarikh kenaikan gaji.

Kenaikan gaji dalam tempoh percubaan.

Mendapat semula tarikh lama kenaikan gaji.

(b) Di mana dalam pelarasan gaji seseorang pegawai seperti di (a) ia akan melangkah satu sekatan lain yang ia belum boleh atau layak melangkah dalam tanggagaji itu, maka pelarasan gajinya hendaklah jangan melebihi sekatan tersebut.

Kenaikan
gaji selepas
lulus peluhan
pertama kali.

46. Dalam kes-kes tertentu di mana seseorang pegawai itu lulus peperiksaan yang pertama kali diadakan selepas sahaja tarikh yang disyaratkan ia mesti lulus, pegawai itu akan dianggap sebagai telah lulus dalam masa yang disyaratkan jika peperiksaan itu merupakan peluang pertama yang berpatutan yang ia dapat memasuki peperiksaan tersebut dan ia bolehlah menerima kenaikan gaji dari tarikh kenaikan gaji asalnya.
- “Peluang pertama yang berpatutan” di sini ialah dimaksudkan bagi kes di mana Jabatan pegawai tersebut tidak pernah mengadakan peperiksaan dalam tempoh 12 bulan sebelum berakhir tempoh yang ia disyaratkan mesti lulus atau dalam kes di mana pegawai itu dalam tempoh 12 bulan sebelum tempoh akhir ia disyaratkan lulus, ia diberi tugas yang melibatkan ia tinggal di luar kawasan Ibu Pejabat bagi tempoh yang panjang dari semasa ke semasa.
47. Seseorang pegawai yang telah diberi cuti separuh gaji atau tanpa gaji mengikut perbekalan-perbekalan dalam Peraturan Cuti adalah berkelayakan mendapat kenaikan gaji walaupun ia telah bercuti sedemikian bagi seluruh atau sebahagian daripada satu-satu tahun.

Kenaikan
gaji semasa
bercuti
separuh gaji
dan tanpa
gaji.

Dasar
kenaikan
pangkat.

BAHAGIAN DUA

VII. KENAIKAN PANGKAT

Pegawai atau
kakitangan
dalam
pinjaman dan
lain-lain mesti
ditimbang.

Pengisian
naik pangkat
tanpa iklan.

Pengisian
naik pangkat
dengan iklan.

48. Seseorang pegawai atau kakitangan itu akan dipilih untuk kenaikan pangkat semata-mata atas kebolehan. Untuk tujuan ini, kebolehan seseorang pegawai itu akan ditentukan mengikut :
- kecekapan yang ditunjukkan dalam menjalankan tugasan-tugasnya; dan
 - sifat-sifat peribadi termasuk keutuhan, kelulusan-kelulusan serta pengalaman-pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang hendak diisi.
49. Kekananan di dalam perkhidmatan hanya akan diambil kira apabila dua atau lebih pegawai itu didapati mempunyai kebolehan yang sama.
50. Tiap-tiap pegawai atau kakitangan yang dipinjamkan atau ditukar sementara ke lain-lain Jabatan Kerajaan, badan-badan berkanun atau badan-badan swasta adalah layak untuk ditimbangkan bersama-sama bagi sebarang urusan kenaikan pangkat mengikut perbekalan-perbekalan dalam skim perkhidmatan asalnya.
51. Apabila timbul sesuatu kekosongan yang tidak akan diiklan tetapi perlu diisi dengan kenaikan pangkat, maka Yang Dipertua hendaklah membuat perakuan-perakuan kepada Lembaga memohon pengisian jawatan tersebut dengan melampirkan satu senarai pegawai-pegawai yang layak diperimbangkan berserta lain-lain butir yang diperlukan oleh Lembaga.
51. Apabila sesuatu kekosongan itu perlu diisi dengan menjemput pemohon-pemohon yang berkelayakan dalam satu-satu

- Jabatan di Majlis maka Setiausaha Majlis hendaklah mengiklankan kekosongan itu melalui pekeliling Jabatan.
52. Apabila pada pandangan Yang Dipertua bahawa tidak ada cukup pegawai-pegawai yang sesuai untuk mengisi semua kekosongan dalam satu-satu urusan kenaikan pangkat yang tertentu, maka beliau boleh meluaskan lingkungan kenaikan pangkat itu sewajarnya dengan syarat bahawa telah diperolehi persetujuan Majlis.
53. (a) Tertakluk kepada (b), tarikh-tarikh kenaikan pangkat adalah ditetapkan sebagai berikut:
- (i) Kepada tingkatan dari tarikh kekosongan berlaku atau tarikh pegawai itu berkelayakan untuk naik pangkat, yang mana terkemudian;
 - (ii) Kekosongan yang timbul kerana pemegangnya bersara dari tarikh pemegangnya bercuti sebelum bersara;
 - (iii) Kekosongan yang baru diadakan atau dinaikkan taraf dari tarikh jawatan itu diwujudkan atau dinaikkan taraf;
 - (iv) Kepada Jawatan (iaitu jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi "G" dan ke atas) mulai dari tarikh pagawai menjalankan tugas jawatan.
- (b) Walau apa pun perbekalan-perbekalan di (a), (i), (ii), (iii) dan (iv) di atas tarikh sebenar kenaikan pangkat seseorang pegawai itu akan bergantung juga kepada tarikh yang ia didapati layak dan sesuai oleh Lembaga dan tidak lebih awal.
54. (a) Seseorang pegawai yang telah dinaikkan pangkat ke satu jawatan yang mempunyai tanggagaji-tanggagaji tertentu, perletakannya ke dalam tanggagaji baru itu hendaklah mengikut peraturan ini:
- (i) Jika gaji akhir dalam tingkatan lamanya adalah lebih rendah daripada gaji permulaan dalam tingkatan barunya, ia akan menerima gaji permulaan dalam tingkatan barunya.
 - (ii) Jika gaji akhir dalam tingkatan lamanya adalah sama atau lebih tinggi daripada gaji permulaan dalam tingkatan barunya, dia akan mendapat gaji di mata tertinggi yang berhampiran dalam tanggagaji jawatan barunya itu.
- (b) Tarikh-tarikh kenaikan gaji bagi kes-kes di (a) (i) atau (ii) di atas ialah pada hari genap ulangtahun kenaikan pangkat tersebut jika tarikh kenaikan pangkat itu ialah satu haribulan, dan pada satu haribulan bulan berikutnya bila tarikh kenaikan pangkat itu bukannya satu haribulan.
- BAHAGIAN TIGA
- VIII. PENAMATAN KERJA DAN NOTIS BERHENTI KERJA
55. Majlis boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai atau kakitangannya apabila ia didapati menyembunyikan apa-apa maklumat tentang kesihatannya di dalam borang permeriksaan doktor atau membuat sumpah palsu di dalam Surat Sumpahnya seperti yang disyaratkan di dalam Peraturan 22 (a).
- Meluaskan lingkungan kenaikan pangkat.
- Tarikh kenaikan pangkat.
- Perletakan dalam tanggagaji naik pangkat.
- Tarikh kenaikan gaji naik pangkat.
- Kenyataan kesihatan dan sumpah palsu.

Pegawai atau kakitangan dalam percubaan yang gagal disahkan.

Kuasa menamatkan perkhidmatan.

Notis menamatkan dari Majlis.

Notis berhenti kerja pegawai atau kakitangan tiada ikatan.

Notis berhenti kerja pegawai atau kakitangan ada ikatan.

Pertimbangan khas momen-dekkan notis.

56. Seseorang pegawai atau kakitangan dalam percubaan yang tidak berjaya untuk disahkan dalam jawatan kerana tidak mendapat sokongan perakuan daripada Setiausaha Majlis atau kerana tidak lulus di dalam peperiksaan-peperiksaan yang disyaratkan, samada ia telah diberi lanjutan tempoh percubaan atau tidak, boleh juga ditamatkan perkhidmatannya dengan diberi notis mengikut peraturan di Peraturan 57.
57. Kuasa yang boleh menamatkan perkhidmatan di Peraturan-peraturan 55 dan 56 hendaklah tidak rendah daripada kuasa yang boleh melantik seseorang ke perkhidmatan tersebut. Tindakan penamatan perkhidmatan ini, melainkan dalam kes-kes seperti di Peraturan 58, tidak boleh diambil sehingga pegawai atau kakitangan itu telah diberi sebab-sebab mengapa penamatan perkhidmatannya telah dicadangkan dan dia telah-pun diberi peluang untuk membela dirinya dalam tempoh yang tidak kurang daripada 14 hari.
58. Walau apa pun perbekalan lain dalam bab ini, Majlis boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai atau kakitangan yang bukan dalam perjawatan berpencen dengan memberi notis yang sesuai dengan syarat-syarat perlantikannya termasuk notis-notis penamatan jawatan seperti dalam Peraturan ini. Dalam hal pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan sementara dan pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan bukan di dalam perjawatan berpencen yang lain, tempoh ini ialah 3 bulan jika mereka telah berkhidmat lebih daripada satu tahun; dan satu bulan jika mereka berkhidmat lebih daripada satu tahun. Dalam kedua-dua hal Majlis boleh menamatkan perkhidmatan mereka dengan serta merta dan tanpa memberi apa-apa sebab dengan membayar sebulan gaji sebagai pengganti notis.
59. (a) Seseorang pegawai atau kakitangan yang hendak meletakkan jawatan Majlisnya hendaklah terlebih dahulu memberi notis berhenti kerja seperti berikut:
- (i) Pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan yang telah disahkan dalam jawatan tiga bulan notis atau membayar sebulan gaji pengganti notis.
 - (ii) Pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan dalam percubaan atau pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan sementara sebulan notis atau membayar sebulan gaji pengganti notis.
 - (iii) Pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan kontrek mengikut syarat-syarat dalam kontrek.
- Notis berhenti kerja hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan yang akan memanjangkannya kepada Yang Dipertua.
60. Melainkan jikalau telah diberi pengecualian-pengecualian tertentu oleh Majlis pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan yang mempunyai apa-apa ikatan dengan Majlis seperti syarat terpaksa berkhidmat bagi masa tertentu yang belum selesai lagi atau mempunyai hutang-piutang dengan Majlis akan dikehendaki menyelesaikan segala urusan ikatannya sebelum notis-notis seperti di Peraturan 59 boleh diluluskan.
61. (a) Dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja Yang Dipertua boleh membenarkan tempoh notis berhenti kerja itu dipendekkan.

(b) Seseorang pegawai atau kakitangan, samada dalam jawatan sementara atau tetap, yang dilantik ke satu jawatan Majlis yang lain tidak dikehendaki meletakkan jawatannya.

IX. UMUR BERSARA

62. Umur-umur bersara pilihan dan wajib bagi pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan adalah sebagai berikut:

	<i>Bersara Pilihan</i>	<i>Bersara Wajib</i>
Lelaki 50 tahun 55 tahun
Perempuan 45 tahun 55 tahun

Bertarikh pada 5 haribulan Ogos, 1980.
[SUK. Tr. 572/207; PUN. Tr. 70 Bhg. 2.]

CHE MAT BIN JUSOH,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Trengganu

LAMPIRAN "B"

PERAKUAN KEMASUKAN KE DALAM PERJAWATAN
BERPENCEN

* Saya dengan ini mengesahkan bahawa
..... telah berkhidmat selama
3 tahun dalam jawatan berpencen dan dengan ini memperakukan
dia dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen. †

* Saya dengan ini mengesahkan bahawa
yang telah dilantik mengikut perbekalan Peraturan A 23 telah
mengenapkan tempoh perkhidmatan selama 10 tahun dan dengan
ini memperakukan dia dimasukkan ke dalam perjawatan ber-
pencen. Kenyataan Perkhidmatannya yang lengkap disertakan
bersama ini.

* Saya dengan ini mengesahkan bahawa
yang telah dilantik mengikut perbekalan Peraturan A 23 dan telah
berkhidmat lebih daripada 3 tahun, telah diperakukan sihat betul
oleh pegawai perubatan Kerajaan atau mana-mana pegawai per-
ubatan yang dipersetujui oleh Majlis seperti Sijil Akuan Doktor
yang disertakan bersama ini, dan dengan ini memperakukan dia
dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen. Kenyataan Perkhid-
matannya yang lengkap disertakan juga.

Tandatangan Setiausaha Majlis

Nama Penuh Setiausaha Majlis

Majlis Perbandaran Kuala Trengganu.

Tarikh , 19.....

* Pakai yang mana berkenaan sahaja.

† Jika tindakan kemasukan ke dalam perjawatan berpencen diambil ber-
sendirian dari pengesahan dalam jawatan, satu Kenyataan Perkhidmatan
yang lengkap hendaklah disertakan.